

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN EDRY FAIZAL BIN EDDY YUSOF  
(N23 DUSUN TUA)**

**TAJUK : SAMPAH HARAM**

221. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah tanah yang dikenalpasti menjalankan aktiviti sampah haram di Selangor?
  
- b) Dari jumlah itu berapakah pula jumlah yang telah diambil tindakan rampasan tanah?

**JAWAPAN:**

- a) Jumlah tanah yang telah dikenalpasti menjalankan aktiviti sampah haram di setiap daerah dalam Negeri Selangor adalah berjumlah **26** lot tanah untuk tempoh **Januari – Oktober 2019**. Manakala untuk tahun **2016 sehingga 2019**, jumlah tanah yang telah dikenalpasti adalah sejumlah **82** lot tanah yang menjalankan aktiviti sampah haram. (Maklumat lengkap seperti di Lampiran)
  
- b) Jumlah tindakan **Notis 8A** (Notis Per Kembalian Tanah Kepada Kerajaan) yang telah dikeluarkan daripada bulan **Januari sehingga Oktober 2019** adalah sejumlah **dua (2)** Notis dan tindakan penyelesaian adalah **sedang dalam tindakan**. Manakala dari tahun **2016 sehingga tahun 2019**, bilangan Notis 8A yang telah dikeluarkan adalah sejumlah **tujuh (7) Notis** dan tindakan penyelesaian perampasan tanah adalah sejumlah **empat (4) kes**. (Maklumat lengkap seperti di Lampiran)

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN ROZANA BINTI ZAINAL ABIDIN  
(N09 PERMATANG)**

**TAJUK : BANTUAN BENCANA ALAM**

222. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah nilai bantuan bencana alam yang kerajaan sediakan untuk mangsa ribut dan banjir yang terjejas?
- b) Apakah Kerajaan Negeri berpuas hati dengan nilai bantuan tersebut?
- c) Adakah perancangan untuk membuat kajian semula berkenaan dengan menaikkan nilai bantuan?

**JAWAPAN:**

- a) Kerajaan Negeri Selangor telah memperuntukkan sumbangan bantuan kewangan kepada mangsa-mangsa bencana ribut dan banjir dengan kadar seperti jadual berikut:

<b>BIL.</b>	<b>PERKARA</b>	<b>KADAR MAKSIMUM (RM)</b>
1.	<b>Mangsa Banjir:</b> a. Banjir b. Banjir Kilat yang tidak melibatkan pemindahan mangsa (pembayaran tidak boleh melebihi kadar tahunan dan hanya rumah yang dimasuki air sahaja layak menerima bantuan kewangan)	<b>500.00</b> <b>250.00</b> <b>(kadar maksimum setahun)</b>
2.	<b>Mangsa Kebakaran:</b> a. Musnah keseluruhan b. Musnah sebahagian	<b>500.00</b> <b>250.00</b>
3.	Mangsa <b>Tanah Runtuh</b> dan <b>Ribut</b>	<b>500.00</b>
4.	Waris kepada mangsa bencana yang meninggal dunia	<b>1,000.00</b>

- b) Kadar bantuan telah dikemaskini selaras dengan Akta Tatacara Kewangan 1957, Penubuhan dan Arahan Akaun Amanah dibawah Seksyen 9, Tabung Bencana Khas Negeri Selangor yang telah disahkan oleh Pegawai Kewangan Negeri Selangor dan berkuatkuasa bermula 31 Ogos 2017.

- c) Untuk makluman Yang Berhormat, buat masa ini, Kerajaan Negeri Selangor tidak bercadang untuk meningkatkan jumlah bantuan kepada mangsa bencana melalui Tabung Bencana Khas Negeri Selangor dan akan meneruskan bantuan berdasarkan kadar sedia ada yang telah dikemaskini sehingga 31 Ogos 2017.

Selain itu juga, terdapat agensi-agensi lain yang memberikan wang bantuan kepada mangsa bencana dengan kadar seperti di dalam jadual berikut:

<b>BIL.</b>	<b>AGENSI</b>	<b>KADAR BANTUAN</b>
1.	<b>JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT (JKM)</b>	<b>Maksimum RM5,000.00</b> <i>(rumah musnah akibat bencana)</i>
2.	<b>YAYASAN ISLAM DARUL EHSAN (YIDE)</b>	<b>Minimum RM300.00</b> <b>Maksimum RM1,000.00</b> – <i>melibatkan kematian termasuk barangan keperluan (hanya untuk mangsa beragama Islam)</i>
3.	<b>LEMBAGA ZAKAT SELANGOR (LZS)</b>	<b>Banjir – Minimum RM100.00</b> <b>Ribut / Tanah Runtuh – RM300.00</b> <b>Kebakaran – RM500.00</b> <b>Maksimum RM5,000.00</b> <i>(rumah musnah akibat bencana)</i>
4.	<b>YAYASAN WARISAN ANAK SELANGOR (YAWAS)</b>	<b>RM200.00</b> untuk seorang anak <i>(anak yang berdaftar dengan TAWAS)</i>

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN LAI WAI CHONG  
(N22 TERATAI)**

**TAJUK : PELARIAN DALAM DUN TERATAI**

223. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah perancangan Kerajaan Negeri dalam melaksanakan penguatkuasaan terhadap pemegang lesen penjaja dan peniaga kecil yang mengali babakan lesen perniagaan?
- b) Nyatakan operasi bersepadu tangkapan warga asing yang menjalankan / membantu aktiviti perniagaan di Pasar Malam

**JAWAPAN:**

- a) Kerajaan Negeri bercadang untuk menambahbaik Undang-undang Kecil Penjaja PBT di mana syarat dan hukuman yang lebih berat boleh dikenakan kepada peniaga kecil yang mengalibabakan lesen perniagaan. PBT juga telah melaksanakan tindakan-tindakan seperti berikut :
  - i) Menyita barang yang dijual;
  - ii) Merampas lesen / permit ; dan
  - iii) Menyenaraihitamkan pemegang lesen / permit warga tempatan yang menyewakan perniagaan kepada warga asing.
- b) Bagi kawasan DUN Teratai, MPAJ telah melaksanakan operasi bersepadu seperti berikut:

BULAN	TARIKH	LOKASI	TINDAKAN
Julai 2019	18/07/2019 21/07/2019 28/07/2019	Taman Muda dan Tasik Tambahan, Ampang	Amaran Lisan dan Sitaan
Ogos 2019	04/08/2019 07/08/2019 09/08/2019 14/08/2019		

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN  
(N15 TAMAN TEMPLER)**

**TAJUK : MASALAH BANJIR DI SELAYANG BARU**

224. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bilakah kerajaan dapat melaksanakan sepenuhnya projek pembesaran Sungai Udang di Selayang Baru terutama di jalan 62,jalan 23,jalan 11C dan juga kawasan-kawasan persekitarannya yang sering berlaku banjir kilat apabila hujan?

**JAWAPAN:**

- a) Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pengairan dan Saliran telah mengadakan kerja-kerja siasatan awalan dan mendapati banjir kilat sering berlaku disebabkan oleh sistem saliran yang lama dan tidak dapat menampung aliran air akibat daripada pembangunan yang pesat.

Untuk makluman, Jabatan Pengairan dan Saliran telah melaksanakan projek Menaiktaraf Anak Sungai Udang, Taman Selayang Sejati Fasa 1 dengan kos sebanyak RM1.2 juta dan telah disiapkan pada 02.05.2019. Skop kerja adalah menaiktaraf anak Sungai Udang sepanjang 750m.

Jabatan juga telah memohon projek Menaiktaraf Anak Sungai Udang di Selayang Sejati Fasa 2 dengan kos sebanyak RM10juta di dalam Rancangan Malaysia Ke-12 kepada Kerajaan Persekutuan. Skop projek merangkumi kerja-kerja menaiktaraf sistem saliran, pembinaan kolam takungan dan kerja-kerja pembuangan kelodak.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI  
(N12 JERAM)**

**TAJUK : TANAH**

225. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Dari tahun 2008 hingga 2018, berapa banyak hektar tanah yang diberikan oleh Kerajaan Negeri kepada Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS)?
- b) Berapakah nilai premium tanah setiap tahun yang perlu dibayar oleh PKNS kepada Kerajaan Negeri?
- c) Berapakah hasil pendapatan yang diperolehinya?

**JAWAPAN:**

- a) Untuk makluman YB, sebanyak 117,758.674 hektar tanah telah diberimilik kepada PKNS melalui Seksyen 76 KTN 1965 dari tahun 2008 hingga 2018.
- b) Nilai premium tanah yang telah dibayar oleh PKNS dari tahun 2008 hingga 2018 adalah sebanyak RM185,115,303.49.
- c) Pendapatan Jualan Tanah tahun 2008 hingga 2018 adalah seperti berikut :

<b>TAHUN</b>	<b>AMAUN (RM)</b>
2008	97,628,444.84
2009	76,288,718.59
2010	105,697,648.75
2011	182,322,388.82
2012	79,207,865.70
2013	190,282,175.24
2014	153,595,817.00
2015	100,305,413.04

2016	139,728,634.96
2017	161,084,850.39
2018	246,774,343.86
<b>JUMLAH</b>	<b>1,532,916,301.19</b>

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS  
(N08 SUNGAI BURONG)**

**TAJUK : KEDAULATAN INSTITUSI RAJA**

226. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan kesungguhan Kerajaan Negeri dalam memastikan kedaulatan institusi raja di Selangor terpelihara dari sebarang penghinaan?
- b) Apakah tindakan Kerajaan Negeri kepada individu yang sengaja mempersoalkan titah DYMM Tuanku Sultan Selangor?

**JAWAPAN:**



**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI  
(N46 PELABUHAN KLANG)**

**TAJUK : PROJEK PELEBARAN JALAN MASUK KAMPUNG TELOK GONG,  
PELABUHAN KLANG**

227. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status terkini projek pelebaran jalan masuk Kampung Telok Gong, Pelabuhan Klang?
  
- b) Bilakah jangkaan tarikh projek tersebut dapat disiapkan?

**JAWAPAN:**

- a) Jalan yang dimaksudkan adalah Jalan Persekutuan FT 181. Jajaran ini terlibat dalam Projek Menaiktaraf Lebuhraya Pulau Indah (Fasa II), Daerah Klang yang masih dalam pembinaan.

Berikut adalah status kerja di tapak:

Tarikh Milik Tapak	: 13.4.2018
Tarikh Siap	: 12.4.2021
Kemajuan Fizikal	: 32.0% (Sebenar) / 38.0% (Jadual)

- b) Tarikh siap semasa bagi projek ini adalah pada 12 April 2021.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN LAU WENG SAN  
(N52 BANTING)**

**TAJUK : KENDERAAN BERAT DI BAHU JALAN**

228. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Kenderaan berat yang diletakkan sebarangan di bahu jalan mengancam keselamatan pengguna jalan raya. Apakah Akta Parlimen, Enakmen atau Undang-undang Kecil yang boleh diambil oleh PBT dan JPJ terhadap pemandu dan pemilik kenderaan?

**JAWAPAN:**

- a) Akta dan undang-undang kecil PBT yang digunakan bagi mengatasi masalah kenderaan berat yang mengancam keselamatan pengguna jalan apabila diletakkan sebarangan di bahu jalan mengancam keselamatan pengguna jalan raya adalah:

**i) Akta Pengangkutan Jalan 1987**

- Seksyen 36 (1) (b)  
(b) Meletakkan suatu kenderaan motor, menyebabkan, membenarkan mana-mana kenderaan motor diletakkan atau menunggu di mana-mana tanah, bangunan, jalan atau mana-mana bahagian jalan melainkan di tempat atau petak letak kereta yang disediakan oleh Majlis.
- Seksyen 36A (1)  
“Pengapitan, pengalihan dan penahanan kenderaan motor”

**ii) Akta Jalan Parit Dan Bangunan 1974 (Akta 133)**

- Seksyen 46 (1) (g)  
(g) Menyebabkan atau membenarkan mana-mana kereta berhenti di mana-mana siarkaki.

### **iii) Undang-undang kecil Taman 2005**

- Peruntukan 7 (1)  
(1) Kenderaan bermotor selain kepunyaan Kerajaan atau badan-badan berkanun yang mempunyai berat muatan lebih daripada dua tan metrik tidak boleh masuk ke mana-mana taman tanpa kebenaran bertulis daripada Datuk Bandar.
- Peruntukan 8 (1)  
(1) Kenderaan bermotor, basikal atau basikal beroda tiga tidak boleh diletakkan di mana-mana tempat di dalam mana-mana taman kecuali pada tempat yang disediakan oleh Yang Dipertua bagi meletak kenderaan bermotor, basikal atau basikal beroda tiga itu.

Selain itu, PBT juga telah melaksanakan operasi bersepadu bersama agensi seperti JPJ, APAD dan PDRM bagi menangani masalah kenderaan berat yang mengganggu orang awam. Orang ramai juga perlu memainkan peranan dengan membuat aduan ke talian aduan PBT, JPJ dan PDRM sekiranya ada acaman keselamatan pengguna jalan raya.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN CHUA WEI KIAT  
(N14 RAWANG)**

**TAJUK : GUGUSAN EKONOMI SELANGOR (KLUSTERISASI)**

229. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah perkembangan pelaksanaan Gugusan Ekonomi Selangor (Klusterisasi) yang telah diumumkan pada Bajet 2019?
  
- b) Nyatakan jadual perancangan untuk pelaksanaan Gugusan Ekonomi Selangor (Klusterisasi).

**JAWAPAN:**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN LEONG TUCK CHEE  
(N47 PANDAMARAN)**

**TAJUK : SKIM AIR PERCUMA**

230. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah kerajaan boleh mempertimbangkan pemberian air percuma kepada golongan M40?
  
- b) Berapakah penjimatan kos jika air percuma hanya diberi kepada golongan B40?

**JAWAPAN:**

Saya pohon izin Y.B. Tuan Speaker untuk menjawab bersekali kesemua soalan berkenaan Skim Air Darul Ehsan yang telah ditanyakan oleh Yang Berhormat Sungai Air Tawar (Soalan No. 2), Yang Berhormat Sungai Panjang (Soalan No. 74), Yang Berhormat Semenyih (Soalan No. 197), Yang Berhormat Pandamaran (Soalan No. 230) dan Yang Berhormat Batang Kali (Soalan No. 284).

1. Yang Berhormat Sungai Air Tawar dan Yang Berhormat Pandamaran bertanyakan berapa anggaran perolehan hasil pendapatan Kerajaan Negeri Selangor dengan pemansuhan skim air percuma dan Yang Berhormat Sungai Panjang bertanyakan anggaran rakyat yang akan mendapat manfaat dari skim ini. Apabila Skim Air Darul Ehsan dilaksanakan, penduduk Negeri Selangor yang mendapat manfaat akan berkurang dari 1.6 juta akaun pengguna kepada 700,000 akaun.
  
2. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Kerajaan Negeri telah membelanjakan sebanyak RM1,812,421,674.67 bagi menampung pembiayaan Program Pemberian Air Percuma 20 meter padu semenjak Jun 2008 hingga Ogos 2019. Jumlah pembiayaan Kerajaan Negeri di bawah Skim Air Darul Ehsan ini dianggarkan akan berkurangan dari RM180 juta setahun kepada RM96 juta setahun. Kerajaan Negeri berhasrat untuk menyalurkan penjimatan tersebut kepada program-program kebajikan rakyat yang lain.

3. Yang Berhormat Sungai Panjang dan Yang Berhormat Semenyih pula bertanyakan mengenai mekanisma yang akan digunakan dalam pelaksanaan pemberian air percuma kepada kumpulan sasaran. Dalam usaha untuk memastikan tiada golongan sasaran yang tertinggal dalam menikmati Skim Air Darul Ehsan ini, Kerajaan Negeri menggesa supaya semua pemohon yang layak dan memenuhi syarat untuk membuat permohonan melalui pendaftaran sama ada secara atas talian melalui laman web Sistem Smart Inisiatif Peduli Rakyat (SSIPR) iaitu [www.ssipr.selangor.gov.my](http://www.ssipr.selangor.gov.my) atau secara manual mengisi Borang Permohonan Program IPR Skim Air Darul Ehsan. Pendaftaran Skim Air Darul Ehsan ini bermula pada 30 September 2019 sehingga 31 Disember 2019. Proses pendaftaran ini adalah untuk mengumpul dan mengemaskini semua data pemohon Skim Air Darul Ehsan dan bagi proses pengesahan pemohon yang layak melalui semakan silang dengan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN). Proses semakan silang hanya akan bermula selepas tarikh tutup permohonan, dan pemohon akan dimaklumkan berkenaan status permohonan mereka selewat-lewatnya pada pertengahan bulan Februari 2020, iaitu sebelum pelaksanaan Skim Air Darul Ehsan yang akan bermula pada 01 Mac 2020. Kerajaan Negeri sentiasa terbuka untuk meneliti dan memperhalusi mekanisme yang digunakan di dalam melaksanakan penjajaran semula ini bagi memastikan golongan sasaran khususnya golongan berpendapatan rendah tidak terjejas.
4. Yang Berhormat Sungai Panjang dan Yang Berhormat Batang Kali amat mengambil berat berkenaan golongan M40 dan mencadangkan supaya Skim Air Darul Ehsan ini diperluaskan kepada golongan M40. Golongan M40 di negeri Selangor adalah terdiri dari golongan rakyat yang menerima pendapatan bulanan dalam lingkungan RM6,180.00 hingga RM12,469.00. Kerajaan Negeri berpandangan golongan M40 ini berkemampuan untuk membiayai bayaran RM11.40 untuk penggunaan air sebanyak 20 meter padu sebulan. Pada masa yang sama, Kerajaan Negeri juga telah menyediakan program kebajikan untuk kepentingan golongan M40 ini antaranya seperti perkhidmatan bas percuma, hadiah anak masuk IPT dan lain-lain.
5. Buat masa ini, Kerajaan Negeri belum dapat mempertimbangkan saranan Yang Berhormat Batang Kali untuk meningkatkan kadar air percuma kepada 30 meter padu kerana penggunaan 20 meter padu adalah mencukupi untuk menampung kegunaan domestik bagi satu keluarga purata seramai lima (5) orang. Tambahan pula, mengikut statistik yang dilaporkan oleh Suruhanjaya Air Negara (SPAN), penggunaan air individu di Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya adalah sebanyak 222 liter sehari,

iaitu 30% lebih tinggi dari kadar air yang disyorkan oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) bagi setiap individu sebanyak 164 liter sehari. Justeru itu, peningkatan pemberian air percuma kepada 30 meter padu boleh menyumbang kepada penggunaan air yang tidak berhemah sedangkan sumber bekalan air adalah semakin berkurangan.

6. Akhirnya, Yang Berhormat Sungai Panjang juga bertanya adakah akan berlaku kenaikan tarif air selepas Skim Air Darul Ehsan ini. Kerajaan Negeri Selangor sentiasa menekankan bahawa sebarang pelarasan tarif adalah berpatutan dan tidak akan membebankan rakyat dan memberi jaminan tiada peningkatan bagi pengguna domestik yang menggunakan 20 meter padu sebulan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB  
(N18 HULU KELANG)**

**TAJUK : PEMINDAHAN ENAM KELUARGA DI KAJANG**

231. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) (Merujuk kepada Hansard Dewan Negeri 9 Nov 2017, ms 19). Berbanding kes-kes pendudukan tanah kerajaan secara tidak sah yang lain, apakah kelebihan yang menjadikan kes enam keluarga yang menduduki tanah milik Kementerian Kesihatan di Kajang dapat diselesaikan dengan begitu mudah?

**JAWAPAN:**

- a) Penawaran Opsyen Tanah Ganti Beserta Bantuan Sewa Rumah

Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor (MMKN) bertarikh 16 November 2016 Kertas EXCO-MTES No. 3/26/2016 yang telah disahkan MMKN ke 38/ 2016 pada 23 November 2016 telah menimbang dan bersetuju seperti berikut:

- i. PTD Hulu Langat melaksanakan perobohan keseluruhan struktur bangunan tanpa kebenaran selepas 25 Disember 2016;
- ii. Memberi dua (2) pilihan kepada penduduk untuk memiliki kediaman dengan memilih salah satu daripada berikut:
  - a. Rumah Selangorku di TTDI Grove Kajang (Jenis A) berharga RM42,000.00 untuk menggantikan kesemua 6 struktur bangunan kediaman tanpa kebenaran di lot 8768;
  - b. Tapak lot rumah di tanah yang diperuntukkan untuk TNB sebagai rentis yang tidak digunakan di Taman Mas, Kajang untuk menggantikan 6 struktur bangunan kediaman tanpa kebenaran (tertakluk kepada kelulusan pemberimilikan). Penduduk perlu memohon Jadual 1. Kemudahan infrastruktur hendaklah disediakan sendiri oleh penduduk mengikut spesifikasi Majlis Perbandaran Kajang dan mematuhi lain-lain syarat yang dikenakan oleh MPKJ.
- iii. Memberi bantuan sewaan rumah selama 12 bulan sebanyak RM300.00 sebulan kepada ketua keluarga bagi 6 struktur kediaman tanpa kebenaran. Bantuan sewa ini ditanggung oleh Kerajaan Persekutuan.



Enam keluarga berkaitan pada 10 Februari 2017 bersetuju menerima tawaran tanah ganti di Taman Mas, Kajang dengan pilihan premium nominal RM1,000.00. Kesemua pemohon telah menerima hakmilik masing-masing bagi tujuan Bangunan Kediaman seluas di antara 3,750 kaki persegi hingga 4,535 kaki persegi.

Turut diberikan merupakan bantuan sewa rumah berjumlah RM3,600 setiap seorang ketua keluarga yang diambil pada 3 Oktober 2017.

Kronologi berkaitan tindakan penguatkuasaan terhadap isu pendudukan tanpa kebenaran atas tanah milik Pesuruhjaya Tanah Persekutuan Lot 8768, Sungai Jelok, Mukim Kajang

Bil	Tarikh	Perkara
1	20/4/2016	Surat pemakluman pencerobohan oleh Jabatan Kesihatan Negeri Selangor
2	29/2/2016	Mesyuarat penyelarasan bagi kes pencerobohan tanah milik Pesuruhjaya Tanah Persekutuan oleh JKPTG
3	24/3/2016	Surat pemakluman pencerobohan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia
4	30/3/2016	Surat pemakluman pencerobohan dan permohonan tindakan penguatkuasaan oleh JKPTG Selangor
5	7 & 12/4/2016	Lawatan tapak dan bancian secara bersepadu oleh PDTHL, JKPTG Selangor, Kementerian Kesihatan Malaysia, Jabatan Kesihatan Selangor dan Hospital Kajang
6	26/4/2016	Surat pemberitahuan mengosongkan tanah kerajaan dibawah seksyen 425, Kanun Tanah Negara 1965 dihantar kepada pemilik bangunan yang terlibat.

7	20/5/2016	Surat alasan untuk tidak mengosongkan tanah kerajaan oleh penduduk kepada Pegawai Daerah Hulu Langat.
8	20/5/2016	Perjumpaan Agensi Kerajaan bersama YB Parlimen / Wakil DUN Kajang dan penduduk tapak tanpa kebenaran atas tanah kerajaan
9	10/8/2016	Perjumpaan kali ke dua Agensi kerajaan bersama penduduk tapak tanpa kebenaran atas tanah kerajaan
10	16/8/2016	Surat permohonan menghentikan pengusiran paksa oleh penduduk kepada Pejabat Menteri Besar Selangor
11	22/8/2016	Perjumpaan kali ketiga Agensi kerajaan bersama penduduk tapak tanpa kebenaran atas tanah kerajaan
12	2/9/2016	Sebanyak 8 permohonan tanah melalui Borang Jadual 1
13	16/11/2016	<p>EXCO-MTES no.3/26/2016 telah bersetuju PTD Hulu Langat melaksanakan perobohan keseluruhan struktur bangunan tanpa kebenaran selepas 25 Disember 2016.</p> <p>Memberi dua (2) pilihan kepada penduduk untuk memiliki kediaman dengan memilih salah satu daripada berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a. Rumah Selangorku di TTDI Grove Kajang (Jenis A) berharga RM42,000.00 untuk menggantikan kesemua 6 struktur bangunan kediaman tanpa kebenaran di lot 8768;</li> <li>b. Tapak lot rumah di tanah yang diperuntukkan untuk TNB sebagai rentis yang tidak digunakan di Taman Mas, Kajang untuk menggantikan 6 struktur bangunan kediaman tanpa kebenaran</li> </ul>

		<p>(tertakluk kepada kelulusan pemberimilikan). Penduduk perlu memohon Jadual 1. Kemudahan infrastruktur hendaklah disediakan sendiri oleh penduduk mengikut spesifikasi Majlis Perbandaran Kajang dan mematuhi lain-lain syarat yang dikenakan oleh MPKJ.</p> <p>iii. Memberi bantuan sewaan rumah selama 12 bulan sebanyak RM300.00 sebulan kepada ketua keluarga bagi 6 struktur kediaman tanpa kebenaran. Bantuan sewa ini ditanggung oleh Kerajaan Persekutuan.</p>
14	28/12/2016	Mesyuarat penyelarasan Agensi kerajaan berkaitan penempatan penduduk tapak tanpa kebenaran atas tanah kerajaan
15	10/2/2017	Enam (6) orang ketua keluarga bersetuju menerima tawaran pelupusan secara pemberimilikan tanah kerajaan di Taman Mas, Kajang secara bersurat.
16	22/3/2017	Surat tawaran 6 lot tanah kepada keluarga bekas kakitangan hospital kajang oleh Bahagian Tanah, PDTHL melalui permohonan pelupusan secara pemberimilikan tanah dibawah seksyen 76 Kanun Tanah Negara
17	31/7/2017	Kertas ringkasan permohonan dihantar ke PTGS
18	28/8/2017	Surat makluman untuk mengambil bantuan sewa rumah dari 5 – 8 september dan arahan pengosongan tanah kerajaan kepada enam keluarga
19	15/9/2017	Surat peringatan mengambil cek bantuan sewa rumah

20	25/9/2017	Mesyuarat penyelarasan Operasi Bersepadu Tindakan Penguatkuasaan Pendudukan Tanpa Kebenaran di atas lot 8768, Sungai Jelok, Mukim Kajang telah diadakan
21	26/9/2017	Surat pemberitahuan terakhir pelaksanaan bagi operasi bersepadu tindakan penguatkuasaan PDTHL
22	3/10/2017	Operasi Bersepadu Tindakan Penguatkuasaan telah dijalankan dan penduduk mohon untuk penangguhan sehingga 22 Oktober 2017 dan surat aku janji telah ditandatangani
23	24/10/2017	Perjumpaan bersama Dato' Pegawai Daerah dengan penduduk tanpa kebenaran atas tapak kerajaan dan hasil perbincangan Dato'Pegawai Daerah bersetuju diberi penangguhan terakhir pada 23/11/2017

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR  
(N05 HULU BERNAM)**

**TAJUK : KDEB WASTE MANAGEMENT SDN BHD**

232. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan aset yang dimiliki oleh KDEB Waste Management dan hutang kepada Kerajaan Negeri Selangor?
- b) Nyatakan kos operasi KDEB sepanjang tahun 2019 terkini mengikut pecahan kawasan DUN?

**JAWAPAN:**

- a) KDEBWM kini merupakan syarikat pengurusan sisa pepejal yang memiliki jumlah aset yang terbesar di Malaysia. Sehingga kini, KDEBWM memiliki sebanyak 416 buah lori kompaktor dan 501 lori RORO. Ringkasan jumlah lori kompaktor dan RORO yang kini beroperasi di sebelas (11) PBT di negeri Selangor adalah seperti berikut:

No.	PBT	Jumlah Lori Kompaktor	Jumlah lori RORO
1	MPK	61	69
2	MPAJ	47	55
3	MPS	45	67
4	MPKj	59	59
5	MBPJ	55	78
6	MPSp	23	32
7	MDKL	15	21
8	MDHS	23	35
9	MDSB	9	9
10	MDKS	12	13
11	MPSJ	67	63
JUMLAH		<b>416</b>	<b>501</b>

Selain dari itu, KDEBWM juga memiliki dua (2) buah *High Pressure Water Jetter* dan dua (2) buah mini road sweeper. KDEBWM akan membeli beberapa unit *High*

*Pressure Water Jetter* lagi dalam masa terdekat untuk memastikan kerja-kerja pembersihan longkang dapat dilaksanakan dengan lebih efektif. Pembelian aset-aset ini dilakukan melalui pinjaman dari Kerajaan Negeri dan juga institusi kewangan. Sehingga kini hutang KDEBWM kepada kerajaan negeri adalah berjumlah sebanyak RM48.93 juta.

- b) Kos operasi keseluruhan KDEBWM di kesemua sebelas (11) PBT adalah sebanyak RM376 juta setahun yang merangkumi kos operasi tambahan bagi kutipan sisa pepejal domestik dan pembersihan awam, penggajian, *Vehicle Monitoring System*, Insuran, susut nilai dan lain-lain. KDEBWM tidak mempunyai pecahan kos operasi mengikut DUN kerana kontrak KDEBWM adalah mengikut PBT. Jumlah kos operasi sebanyak RM376 juta setahun ini adalah jumlah keseluruhan yang telah dikonsolidasi dari kesemua sebelas (11) PBT di mana KDEBWM beroperasi.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD ZAWAWI BIN AHMAD MUGHNI  
(N49 SUNGAI KANDIS)**

**TAJUK : GEJALA SOSIAL DI KALANGAN KANAK-KANAK BAWAH UMUR**

233. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah program yang telah dirancang oleh Kerajaan Negeri bagi menangani masalah sosial di kalangan kanak-kanak bawah umur?
- b) Senaraikan secara terperinci jenayah yang melibatkan kanak-kanak bawah umur.
- c) Apakah terdapat usaha Kerajaan bagi menangani gejala mengandung anak luar nikah di kalangan remaja?

**JAWAPAN:**

- a) Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Negeri Selangor melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Negeri Selangor sentiasa melaksanakan program bagi memastikan kesejahteraan kanak-kanak.

JKM Negeri Selangor menguruskan kes perlindungan kanak-kanak dan jenayah melibatkan kanak-kanak menggunakan peruntukan di bawah Akta Kanak-Kanak 2001. Selain itu, JKM Negeri Selangor menganjurkan pelbagai program/perkhidmatan bagi menangani masalah sosial di kalangan kanak-kanak seperti berikut:

**1. Pusat Aktiviti Kanak-Kanak (PAKK)**

Pusat Aktiviti Kanak-Kanak (PAKK) menyediakan program berbentuk seminar, kursus dan bengkel serta intervensi berbentuk motivasi, bimbingan kaunseling dan sukan. Sehingga kini, Selangor mempunyai 17 buah PAKK seperti di bawah:

<b>BIL.</b>	<b>DAERAH</b>	<b>NAMA PUSAT AKTIVITI KANAK-KANAK (PAKK)</b>
1	Petaling	1. PAKK Taman Medan
		2. PAKK Taman Putra Damai
		3. PAKK Shah Alam
		4. PAKK Subang Jaya

BIL.	DAERAH	NAMA PUSAT AKTIVITI KANAK-KANAK (PAKK)
2	Klang	1. PAKK Taman Seri Perantau
3	Sabak Bernam	1. PAKK Taman Gemilang
		2. PAKK Taman Perpaduan
4	Gombak	1. PAKK Kg. Bendahara
		2. PAKK Bandar Tasik Puteri
		3. PAKK Hulu Klang
5	Hulu Selangor	1. PAKK Wawasan Gemilang
6	Kuala Langat	1. PAKK Banting Baru
		2. PAKK Kg. Kundang
7	Sepang	1. PAKK Salak Tinggi
		2. PAKK Taman Putra Perdana
8	Kuala Selangor	1. PAKK Kuala Selangor
9	Hulu Langat	1. PAKK Kajang

## 2. Pasukan Kebajikan Kanak-Kanak (PKKK)

PKKK ditubuhkan di setiap daerah bagi berfungsi sebagai sistem sokongan kepada perkhidmatan pemulihan kanak-kanak yang terlibat dengan jenayah atau masalah sosial. Ahli PKKK dilantik daripada golongan masyarakat setempat yang mempunyai kepakaran dan pengalaman dalam bidang kanak-kanak. Selain itu, PKKK akan dianggotai oleh Pegawai Kanan Polis dan Pegawai Perubatan. Mereka akan membantu Jabatan dalam menggalakkan penyertaan masyarakat dalam pencegahan jenayah dan kerosakan akhlak dalam kalangan kanak-kanak.

## 3. Pasukan Pelindung Kanak-Kanak (PPKK)

PPKK ditubuhkan di setiap daerah berfungsi sebagai sistem sokongan kepada perkhidmatan perlindungan kanak-kanak. Di antara aktiviti yang dikendalikan oleh PPKK ialah Pusat Aktiviti Kanak-Kanak (PAKK) yang dirancang dan dilaksanakan mengikut keperluan masyarakat setempat.



#### **4. Pusat Peduli Kanak-Kanak Negeri Selangor (PPKKN)**

Kerajaan Negeri Selangor telah memperuntukkan RM400,000 bagi penubuhan Pusat Peduli Kanak-Kanak Subang Jaya dan Pusat Peduli Kanak-Kanak Hulu Selangor.

PPKKN ini ditubuhkan sebagai satu strategi di dalam pembangunan komuniti untuk perlindungan, keselamatan dan integrasi sosial kanak-kanak. Ia menumpukan perhatian kepada kanak-kanak yang memerlukan ruang untuk melakukan aktiviti di samping mengisi masa lapang dengan cara yang positif.

PPKKN juga merupakan satu institusi alternatif kepada perlindungan kanak-kanak di dalam komuniti.

#### **5. Kempen Keselamatan Kanak-Kanak Di Sekolah Sahabat Bijak Sahabat Bijak: *Safe & Protect* (Sahabat Bijak)**

Kempen ini adalah bagi tujuan:

- a) Menyebar luas maklumat berkaitan keselamatan kanak-kanak
- b) Memberi kesedaran kepada ibu bapa/penjaga, guru-guru serta masyarakat tentang pentingnya untuk menjaga keselamatan kanak-kanak
- c) Memberi pendedahan literasi undang-kepada semua pihak berkaitan hukuman yang dikenakan kepada pesalah kanak-kanak
- d) Memberi pendedahan kepada kanak-kanak, ibu bapa/penjaga, guru-guru serta masyarakat tentang bentuk-bentuk bantuan berkaitan dengan keselamatan kanak-kanak

JKM Negeri Selangor telah dan akan mengadakan Kempen Keselamatan Kanak-Kanak Di Sekolah Sahabat Bijak Sahabat Bijak: *Safe & Protect* (Sahabat Bijak) di sekolah-sekolah bagi memberi advokasi kepada kanak-kanak berkenaan hak mereka sebagai kanak-kanak. Program Sahabat Bijak bagi tahun 2019 telah dan akan diadakan di daerah berikut seperti jadual di bawah:

- 1) Kuala Langat - 21 Ogos 2019
- 2) Gombak - 5 September 2019
- 3) Klang - 24 September 2019
- 4) Petaling - 25 September 2019
- 5) Sabak Bernam - 30 September 2019
- 6) Hulu Langat - 30 Oktober 2019

## 6. Talian Kasih 15999

Selain itu, Jabatan Kebajikan Masyarakat juga telah menyediakan satu talian *hotline* iaitu Talian Kasih 15999 bagi mana-mana pihak membuat sebarang aduan berkenaan penderaan atau masalah sosial berkaitan kanak-kanak pada bila-bila masa.

b) Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat,

Statistik Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor mencatatkan kes jenayah oleh kanak-kanak bagi tahun 2019 (sehingga September) seperti berikut:

<b>JENIS KESALAHAN</b>	<b>2019 (SEHINGGA SEPTEMBER)</b>
Harta-Benda	143
Dadah	176
Sabit Manusia	108
Lalulintas	66
Senjata	4
Lari dari Sekolah Diluluskan/Asrama Akhlak/Hunry Gurney/Akta Kesalahan Kecil/Berjudi	41
Lain-Lain	62
<b>JUMLAH</b>	<b>600</b>

*Sumber: Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor*

c) Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat,

Selain daripada program yang dinyatakan di atas bagi menangani isu sosial berkaitan kanak-kanak, Jabatan Kebajikan Masyarakat menyediakan pusat perlindungan bagi kanak-kanak mengandung luar nikah sebagai usaha memastikan kanak-kanak dan bayi sentiasa dilindungi. Pusat perlindungan ini menyediakan aktiviti yang sesuai dan dirancang khas untuk para penghuni seperti kelas memasak, kelas menjahit, kelas agama dan perkhidmatan kaunseling.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN  
(N34 BUKIT GASING)**

**TAJUK : PARKING SMART SELANGOR**

234. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah impak kepada hasil PBT setelah aplikasi pintar Smart Selangor Parking diperkenalkan?
- b) Berapakah pengguna aplikasi pintar Smart Selangor Parking?
- c) Apakah status kerjasama dengan PBT negeri lain supaya memudahkan pengguna aplikasi parking pintar?

**JAWAPAN:**

(a) dan (b) dijawab bersekali

Sehingga hari ini, pengguna aplikasi Smart Selangor Parking berdaftar adalah seramai 348,859 pengguna dengan bilangan transaksi berjumlah 1,045,622. Ia menunjukkan petanda jelas bahawa rakyat Selangor menerima dan memberi sokongan padu untuk bersama-sama menuju ke arah agenda Smart State menjelang tahun 2025. Berdasarkan maklum balas daripada beberapa PBT yang telah pun mengguna pakai aplikasi pintar Smart Selangor Parking (SSP), di dapati terdapat peningkatan pengguna dan secara tidak langsung juga telah meningkatkan hasil PBT. Selain daripada itu juga, berlakunya penjimatan penggunaan kupon secara manual.

- c) Pada masa kini, Kerajaan Negeri belum menjalinkan sebarang kerjasama dengan PBT negeri lain untuk aplikasi parking pintar memandangkan tiada keperluan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATO' DR AHMAD YUNUS BIN HAIRI  
(N51 SIJANGKANG)**

**TAJUK : USUL YANG DIBAWA OLEH AHLI DEWAN NEGERI SELANGOR**

235. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapa banyak usul yang telah dikemukakan oleh Ahli Dewan Negeri Selangor dari tahun 2008 sehingga kini?
- b) Berapakah usul yang telah ditolak dan alasannya?
- c) Apakah tindakan yang telah diambil terhadap usul-usul yang telah diluluskan?

**JAWAPAN:**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN SHATIRI BIN MANSOR  
(N39 KOTA DAMANSARA)**

**TAJUK : CARUMAN PERKESO UNTUK KAKITANGAN PUSAT KHIDMAT OLEH  
KERAJAAN NEGERI**

236. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah kerajaan boleh pertimbang dan luluskan caruman PERKESO untuk 3 kakitangan yang di tawarkan "Contract For Service "?

**JAWAPAN:**

- a) Kerajaan Negeri melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Ke 21 /2013 bertarikh 24 Julai 2013 telah meluluskan pelantikan tiga (3) orang Pembantu Tadbir secara *contract for service* untuk setiap Pusat Khidmat Masyarakat dengan diberi kelulusan khas caruman KWSP. Lanjutan daripada keputusan tersebut, Kerajaan Negeri telah menerima cadangan supaya setiap Pembantu Tadbir tersebut dilindungi oleh PERKESO. Walau bagaimanapun, cadangan tersebut telah ditangguhkan berikutan keputusan Kerajaan Negeri untuk menambah seorang lagi kakitangan Pusat Khidmat Masyarakat untuk setiap kawasan Ahli Dewan Negeri. Perkara ini akan dikaji semula setelah penambahan Pembantu Tadbir di Pusat Khidmat Masyarakat dilaksanakan tahun hadapan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW  
(N56 SUNGAI PELEK)**

**TAJUK : PELANCONGAN DI TMS 2020**

237. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah inisiatif kerajaan negeri bagi kawasan Sepang khususnya di Sungai Pelek dalam menyokong industri ecotourism dan agrotourism khususnya dalam menghadapi Tahun Melawat Sepang (TMS) 2020?
- b) Apakah status perancangan kerajaan negeri dalam membina jambatan diantara Sungai Sepang Besar ke Bukit Pelanduk?

**JAWAPAN:**

(a) dan (b) dijawab bersekali.

Kerajaan Negeri melalui Tourism Selangor membantu memasarkan produk pelancongan di kawasan Sepang sempena Tahun Melawat Sepang 2020 dan berusaha membantu meningkatkan kedatangan pelancong ke kawasan tersebut. Antara peranan Tourism Selangor untuk mempromosikan Sepang sebagai destinasi pelancongan ini adalah seperti berikut:-

**i) Pengiklanan Media Cetak dan Bahan Terbitan**

Tourism Selangor juga mempromosikan pelancongan melalui pengiklanan media cetak seperti akhbar, majalah dan risalah promosi. Poster informasi beserta laporan dan artikel diperbanyakkan di media tempatan dan bertaraf antarabangsa.

Selain itu, Tourism Selangor juga menerbitkan risalah pelancongan seperti direktori pelancongan, peta, dan info grafik untuk memberikan informasi lengkap berkenaan Pelancongan Agro. Antaranya seperti, Selangor Breakaway, The Best of Selangor dan Buku Terokai Kehijauan Selangor.

**ii) Program Promosi Dalam Negara**

Pihak Tourism Selangor mempromosikan dan memperkenalkan produk-produk pelancongan Sepang di dalam siri promosi di dalam dan luar negara yang disertai bagi tahun 2019. Program promosi dalam negara yang disertai oleh Tourism

Selangor seperti Program MATTA Fair (2 kali setahun), Malaysia Inbound (MITA) Travel Fair 2019, Program Skuad Kembara Sekolah 2019 dan Kuala Lumpur Photography Festival 2019.

**iii) Program Promosi Luar Negara**

Program promosi luar negara yang disertai oleh Tourism Selangor dan Majlis Perbandaran Sepang (MPSp) di ITB Berlin bagi Pelancaran Tahun Melawat Sepang 2020. Selain itu, MPSp juga menyertai program CEAXPO di Nanning China bersama Tourism Selangor bagi mempromosikan produk pelancongan di Daerah Sepang bagi pasaran China.

**iv) Hebahan melalui Laman web dan Media Sosial Tourism Selangor**

Tourism di dalam laman web rasmi akan sentiasa mempromosi produk pelancongan Sepang dan Kempen TMS 2020 serta memastikan semua maklumat yang dipaparkan adalah yang terkini dan tepat. Laman web Tourism Selangor boleh dilayari melalui <http://www.selangor.travel>. Laman Media sosial Tourism Selangor mempunyai jumlah pengikut yang ramai melebihi 300,000 orang pengikut dalam dan luar negara.

**v) Penganjuran Program FAM Trip (Familiarization Trip)**

Tourism Selangor bekerjasama dengan pihak Majlis Perbandaran Sepang serta produk-produk pelancongan di daerah Sepang untuk menganjurkan sesi lawatan tapak atau FAM Trip bersama dengan agensi pelancongan dan agensi media tempatan dan antarabangsa sepanjang Tahun 2019.



**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR  
(N42 MERU)**

**TAJUK : BANTUAN KEPADA PETANI**

238. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah bantuan Kerajaan Negeri untuk membantu petani-petani yang terjejas hasil mereka kerana masalah bencana alam yang tidak dijangka?
- b) Apakah Kerajaan Negeri berhasrat untuk menubuhkan satu ladang fedlot di setiap DUN bagi mengatasi masalah lembu terbiar?

**JAWAPAN:**

- a) Bantuan bencana bagi sektor agromakanan diselaraskan oleh Jabatan Pertanian. Pihak Jabatan Pertanian akan membuat banciaan dan anggaran kos kerosakan untuk dimajukan kepada Tabung Bantuan Bencana Agromakanan yang diputuskan di bawah NADMA.
- b) Istilah ladang fidlot adalah ladang yang membeli anak lembu berumur 3 bulan hingga 21 bulan dari tempat lain dan menggemukkan anak-anak lembu ini di dalam kandang sehingga mencapai umur dan berat pasaran (kaedah penternakan fidlot tidak melibatkan aspek pembiakan). Istilah yang digunakan oleh Kerajaan Negeri untuk ladang bagi mengatasi masalah lembu terbiar adalah ladang translokasi kerana kebanyakan masalah lembu terbiar disebabkan oleh ladang melibatkan aspek pembiakan seperti lembu tenusu dan lembu pedaging ibu-anak (cow-calf). Dalam ladang translokasi, penyewa-penyewanya dibenarkan melaksanakan projek secara breedlot iaitu boleh membiakkan ternakan tetapi secara intensif iaitu ternakan sentiasa di dalam ladang dan semua makanannya diangkut dari kawasan tanaman rumput dan tempat lain serta diberi di dalam ladang.

Kerajaan Negeri tidak berhasrat untuk menubuhkan satu ladang translokasi di setiap DUN bagi mengatasi masalah lembu terbiar kerana ketiadaan tanah yang sesuai terutamanya di DUN-DUN perbandaran, perindustrian dan penampatan. Walau bagaimana pun, Kerajaan Negeri tetap berhasrat untuk membangunkan

banyak ladang translokasi di seluruh negeri namun lokasinya bergantung kepada kesediaan tanah yang sesuai. Sebagai contoh, Kerajaan Negeri telah dan sedang membangunkan ladang translokasi di beberapa tempat iaitu

- i. Sungai Nilam, Hulu Selangor (telah beroperasi)
- ii. Olak Lempit, Kuala Langat (akan beroperasi awal 2020)
- iii. Sg. Gersik, Rasa, Hulu Selangor (proses pemertanian)
- iv. Sg. Gumut Kalumpang, Hulu Selangor (proses pemertanian)
- v. Beting Kepah Sabak Bernam (proses pemertanian).

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL  
(N01 SUNGAI AIR TAWAR)**

**TAJUK : HUB INDUSTRI AGRIPOLITAN SABAK ( HIAS )**

239. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah langkah segera yang diambil Kerajaan Negeri untuk memastikan program Hub Agripolitan Sabak ( HIAS ) dapat direalisasikan menjelang tahun 2025?
- b) Berapakah peruntukan belanjawan oleh Kerajaan Negeri untuk rancangan gugusan agrotani di kawasan DUN Sungai Air Tawar?

**JAWAPAN:**

- a) Kerajaan Negeri berusaha menarik pelabur untuk menjalankan aktiviti berkaitan pertanian berprofil tinggi dan pusat R&D untuk meningkatkan hasil pertanian. Kerajaan Negeri juga telah mewujudkan Jawatankuasa Khas untuk prmbangunan ekonomi daerah Sabak Bernam sejajar dengan fokus kerajaan Negeri mengekalkan daerah Sabak Bernam sebagai daerah pertanian.

Langkah segera bagi merealisasikan Hub Agropolitan Sabak (HIAS) menjelang tahun 2025, Majlis Daerah Sabak Bernam (MDSB) telah mewujudkan Mesyuarat Jawatankuasa Pelaburan dan Industrial Park Management Committee (IPMC) yang akan bersidang sebanyak 4 kali dalam tempoh setahun. Jawatankuasa ini berfungsi untuk menarik pelabur – pelabur yang berminat untuk melabur di kawasan Sabak Bernam disamping mempromosikan pelaburan di Daerah Sabak Bernam. Selain itu, Jawatankuasa ini berfungsi untuk memantau dan menyelaras penyelenggaraan infrastruktur di kawasan perindustrian sedia ada dan kawasan yang telah dirancang untuk pembangunan perindustrian.

- b) Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tetap Pertanian dan Industri Asas Tani bercadang untuk membangunkan projek tanaman Roselle dan beberapa lagi tanaman makanan secara berfasa di atas tanah seluas 120 ekar melalui pelaksanaan projek pertanian menggunakan kaedah moden di DUN Sungai Air Tawar dengan anggaran jumlah peruntukan awal sebanyak RM200,000.00.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING  
(N37 BUKIT LANJAN)**

**TAJUK : RSPO DAN LADANG KELAPA SAWIT SELANGOR**

240. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah peratusan ladang Kelapa Sawit yang telah mendapat pengiktirafan RSPO?
- b) Adakah semua ladang PKPS sudah memohon dan mendapat pengiktirafan RSPO?
- c) Apakah peratusan pengeluaran Kelapa Sawit di Selangor berbanding dengan pengeluaran negara?

**JAWAPAN:**

- a) Negeri Selangor mempunyai keluasan tanaman sawit 136,361 hektar. Daripada jumlah itu 45,136 hektar adalah tanaman sawit pekebun kecil dan 91,225 milik syarikat perladangan dan pekebun kecil tersusun (seperti Felda). 52 peratus syarikat perladangan sawit di Selangor telah mendapat sijil MSPO (47,820 hektar) manakala status pendaftaran pekebun kecil adalah 5 peratus (2,267 hektar).
- b) PKPS telah mendapat sijil MSPO pada 16 Oktober 2019.
- c) Selangor mencatatkan pengeluaran sawit sebanyak 532,519 metrik tan setahun dengan sumbangan kepada pengeluaran sawit Negara sebanyak 2.67 peratus.